

# PRITAMOL SYRUP/SUSPENSION

Paracetamol (120mg/5ml, 250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Pritamol*
2. Bagaimana *Pritamol* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Pritamol*
4. Cara menggunakan *Pritamol*
5. Semasa menggunakan *Pritamol*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Pritamol*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Pritamol*

Ia digunakan untuk melegakan demam dan sakit.

## Bagaimana *Pritamol* berfungsi

*Pritamol* mengandungi paracetamol yang melegakan kesakitan dan mengurangkan suhu badan tinggi dan demam.

## Sebelum menggunakan *Pritamol*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *Pritamol* jika terdapat alahan kepada paracetamol atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam *Pritamol*. Amaran arahan: Paracetamol mungkin menyebabkan tindak balas kulit serius. Gejala-gejala termasuk kulit merah, lepuh atau ruam, di mana keadaan boleh menjadi serius. Jika berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan segera.

### - Sebelum menggunakan *Pritamol*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika mempunyai masalah buah pinggang atau hati, atau sering menggunakan ubat yang merangsang enzim hati.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Pritamol*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 500mg - 1 gm tiga hingga empat kali sehari. Jumlah penggunaan harian tidak boleh melebihi 4gm. Kanak-kanak 7-12 tahun: oral, 250 - 500mg tiga hingga empat kali sehari. Kanak-kanak 4 -6 tahun: oral, 250mg tiga kali sehari. Kanak-kanak 1-3 tahun: oral, 120mg tiga kali sehari. Kurang dari 1 tahun: oral, 60mg tiga kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos ialah cirit-birit, hilang selera makan, loya atau muntah, kejang perut, peluh yang luar biasa dan kerosakan hati dan buah pinggang.

## Semasa menggunakan *Pritamol*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Pritamol*.

Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Persediaan ini mengandungi paracetamol. Jangan ambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama. Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Pritamol* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan *Pritamol* harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Pritamol* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan sampingan paracetamol biasanya ringan jika digunakan pada dos yang disyorkan. Walau bagaimanapun, gangguan darah dan hipersensitiviti jarang dilaporkan.

Tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk ruam, bengkak di bawah lapisan kulit, reaksi kulit serius seperti, sindrom *Stevens Johnson/ Toxic Epidermal Necrolysis* dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Pritamol*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap 120: Sirap kuning perisa ceri.  
Sirap 250: Sirap merah perisa strawberi.  
Suspensi 250: Ampaian merah muda perisa raspberi.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: paracetamol.  
- Bahan tidak aktif: methyl parabens, propyl parabens, liquid glucose, glycerin, propylene glycol, sodium saccharin, sorbitol, syrup simplex and deionised water.  
Sirap 120: cherry flavour, quinoline yellow ariavit  
Sirap 250: strawberry flavour, alcohol 95%, raspberi red  
Ampaian 250: xanthan gum, tragacanth, raspberi flavour, rose pink

### - Nombor MAL

Sirap120: MAL19912099XZ  
Sirap 250: MAL19912101XZ  
Ampaian 250: MAL19912100XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)060417/00059